


UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 597
AKTA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA
MALAYSIA 1999

Beta bersetuju


.....
Yang di-Perluang Agong

27-8- 1999

.....

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 597****AKTA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA
MALAYSIA 1999**

SUSUNAN SEKSYEN

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Seksyen

- I. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II
PENURUHAN SURUHANJAYA HAK ASASI
MANUSIA MALAYSIA**

3. Penubuhan Suruhanjaya
4. Fungsi dan kuasa Suruhanjaya
5. Anggota Suruhanjaya dan tempoh jawatan
6. Pengerusi dan Naib Pengerusi
7. Mesyuarat Suruhanjaya
8. Saraan
9. Pengosongan jawatan
10. Kehilangan kelayakan
11. Peletakan jawatan

BAHAGIAN III
KUASA SIASATAN SURUHANJAYA

Seksyen

12. Suruhanjaya boleh menyiasat atas kehendak sendiri atau atas aduan
13. Tatacara jika pelanggaran tidak didedahkan atau didedahkan
14. Kuasa yang berhubungan dengan siasatan
15. Keterangan di hadapan Suruhanjaya

BAHAGIAN IV
KAKITANGAN SURUHANJAYA

16. Pelantikan Setiausaha dan kakitangan
17. Perwakilan kuasa
18. Pelindungan anggota, pegawai dan pekhidmat Suruhanjaya

BAHAGIAN V
AM

19. Dana
20. Pemakaian Akta 240
21. Laporan tahunan
22. Peraturan-peraturan
23. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan tatatertib

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 597****AKTA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA
MALAYSIA 1999**

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia; untuk menyatakan kuasa dan fungsi suruhanjaya itu bagi perlindungan dan pemajuan hak asasi manusia di Malaysia; dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya atau bersampingan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**BAHAGIAN I
PERMULAAN****Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain

"hak asasi manusia" merujuk kepada kebebasan asasi sebagaimana yang termaktub dalam Bahagian 11 Perlembagaan Persekutuan;

"Kerajaan" ertinya Kerajaan Malaysia;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi hak asasi manusia.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

Penubuhan Suruhanjaya

3. (1) Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu Suruhanjaya yang hendaklah dikenali sebagai Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia ("Suruhanjaya").

(2) Suruhanjaya hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai biasa, yang boleh mendakwa dan didakwa atas namanya dan tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, boleh membuat kontrak dan boleh memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih dan boleh memindahkan, menyerahkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadai janji, mendemis, menyerahkan semula, memindahkan hakmilik atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletak hak pada Suruhanjaya, atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya patut.

(3) Suruhanjaya hendaklah mempunyai suatu meterai biasa yang mengandungi apa-apa peranti sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.

(4) Meterai biasa itu hendaklah disimpan dalam jagaan Setiausaha kepada Suruhanjaya atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya dan hendaklah disahkan oleh Setiausaha atau orang yang diberi kuasa itu atau oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Setiausaha atau orang yang diberi kuasa itu secara bertulis.

(5) Segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai biasa itu, yang disahkan sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen (4), hendaklah disifatkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya.

(6) Meterai biasa Suruhanjaya hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Fungsi dan kuasa Suruhanjaya

4. (1) Bagi membantu melindungi dan memajukan hak asasi manusia di Malaysia, fungsi Suruhanjaya adalah

- (a) untuk memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubungan dengan hak asasi manusia;
- (b) untuk menasihati dan membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan dan arahan dan tatacara pentadbiran dan mengesyorkan langkah-langkah perlu yang hendaklah diambil;
- (c) untuk mengesyorkan kepada Kerajaan berkenaan dengan penandatanganan atau penyertaan dalam triti dan surat cara antarabangsa yang lain dalam bidang hak asasi manusia; dan
- (d) untuk menyiasat aduan berkenaan dengan pelanggaran hak asasi manusia yang disebut dalam seksyen 12.

(2) Bagi maksud melaksanakan fungsinya, Suruhanjaya boleh menjalankan mana-mana atau kesemua kuasa yang berikut:

- (a) untuk memupuk kesedaran mengenai hak asasi manusia dan untuk mengaku janji mengadakan penyelidikan dengan mengendalikan program, seminar dan bengkel dan untuk menyebarkan dan mengedarkan hasil penyelidikan itu;
- (b) untuk menasihati Kerajaan dan/atau pihak berkuasa yang berkaitan mengenai aduan terhadap pihak berkuasa itu dan mengesyorkan kepada Kerajaan dan/atau pihak berkuasa itu langkah-langkah sesuai yang hendaklah diambil;
- (c) untuk mengkaji dan menentusahkan apa-apa pelanggaran hak asasi manusia mengikut peruntukan Akta ini;

- (d) untuk melawat tempat tahanan mengikut tatacara yang ditetapkan oleh undang-undang yang berhubungan dengan tempat tahanan itu dan untuk membuat syor yang perlu;
- (e) untuk mengeluarkan pernyataan awam mengenai hak asasi manusia apabila perlu; dan
- (f) untuk mengaku janji apa-apa aktiviti sesuai lain yang perlu mengikut undang-undang bertulis yang berkuat kuasa, jika ada, berhubung dengan aktiviti itu.

(3) Lawatan oleh Suruhanjaya ke mana-mana tempat tahanan di bawah perenggan (2)(d) tidaklah boleh dihalang oleh orang yang menjaga tempat tahanan itu jika tatacara yang diperuntukkan oleh undang-undang yang mengawal selia tempat tahanan itu dipatuhi.

(4) Bagi maksud Akta ini, perhatian hendaklah diberikan kepada Perisytiharan Sejagat Hak Asasi Manusia 1948 setakat yang perisytiharan itu tidak tak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan.

Anggota Suruhanjaya dan tempoh jawatan

5. (1) Suruhanjaya hendaklah terdiri daripada tidak lebih daripada dua puluh orang anggota.

(2) Anggota-anggota Suruhanjaya hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, atas syor Perdana Menteri.

(3) Anggota-anggota Suruhanjaya hendaklah dilantik daripada kalangan tokoh terkenal termasuk mereka yang datang daripada berbagai latar belakang agama dan kaum.

(4) Tiap-tiap anggota hendaklah memegang jawatan selama tempoh dua tahun dan layak dilantik semula.

Pengerusi dan Naib Pengerusi

6. (1) Yang di-Pertuan Agong hendaklah menetapkan salah seorang daripada anggota yang dilantik di bawah seksyen 5 menjadi Pengerusi Suruhanjaya.

(2) Tempoh jawatan Pengerusi adalah selama tempoh keanggotaannya dalam Suruhanjaya.

(3) Naib Pengerusi bolehlah dipilih oleh anggota Suruhanjaya daripada kalangan mereka sendiri.

(4) Jika Pengerusi Suruhanjaya atas apa-apa sebab tidak dapat melaksanakan fungsi Pengerusi, atau semasa apa-apa tempoh kekosongan jawatan Pengerusi, Naib Pengerusi hendaklah melaksanakan fungsi Pengerusi.

Mesyuarat Suruhanjaya

7. (1) Pengerusi Suruhanjaya hendaklah mempengerusikan kesemua mesyuarat Suruhanjaya.

(2) Jika Pengerusi tidak menghadiri mesyuarat, Naib Pengerusi Suruhanjaya hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu.

(3) Kuorum dalam semua mesyuarat ialah dua pertiga daripada bilangan anggota Suruhanjaya.

(4) Anggota-anggota Suruhanjaya hendaklah berusaha untuk mencapai segala keputusan mesyuarat secara sebulat suara yang jika gagal, keputusan oleh majoriti dua pertiga anggota yang hadir adalah dikehendaki.

(5) Suruhanjaya hendaklah menentukan perjalanannya sendiri.

Saraan

8. (1) Pengerusi Suruhanjaya hendaklah dibayar saraan dan elaun yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong.

(2) Tiap-tiap anggota Suruhanjaya hendaklah dibayar elaun pada kadar yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Pengosongan jawatan

9. Jawatan seseorang anggota Suruhanjaya hendaklah menjadi kosong

- (a) apabila anggota itu mati;
- (b) apabila anggota itu meletakkan jawatan melalui surat yang ditujukan kepada Yang di-Pertuan Agong;
- (c) apabila tamat tempoh jawatannya; atau
- (d) apabila anggota itu dipecat daripada jawatan atas apaapa alasan yang dinyatakan dalam seksyen 10.

Kehilangan kelayakan

10. Seseorang anggota Suruhanjaya boleh dipecat daripada jawatan oleh Yang di-Pertuan Agong jika

- (a) anggota itu dihukumkan tak solven oleh mahkamah berbidang kuasa berwibawa;
- (b) Yang di-Pertuan Agong, setelah berunding dengan seorang pegawai perubatan atau pengamal perubatan berdaftar, berpendapat bahawa anggota itu tidak berupaya dari segi fizikal atau mental untuk terus memegang jawatannya;
- (c) anggota itu tidak menghadiri tiga kali berturut-turut mesyuarat Suruhanjaya tanpa mendapat kebenaran Suruhanjaya atau, dalam hal Pengerusi, tanpa kebenaran Menteri;
- (d) Yang di-Pertuan Agong, atas syor Perdana Menteri, berpendapat bahawa anggota itu
 - (i) telah melibatkan diri dalam apa-apa jawatan atau pekerjaan bergaji yang bercanggah dengan kewajipannya sebagai seorang anggota Suruhanjaya;
 - (ii) telah berkelakuan salah atau berkelakuan sedemikian cara hingga mencemarkan nama Suruhanjaya; atau
 - (iii) telah bertindak melanggar Akta ini dan bercanggah dengan kewajipannya sebagai anggota Suruhanjaya.

Peletakan jawatan

11. Seseorang anggota Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui surat yang ditujukan kepada Yang di-Pertuan Agong.

BAHAGIAN III

KUASA SIASATAN SURUHANJAYA

Suruhanjaya boleh menyiasat atas kehendak sendiri atau atas aduan

12. (1) Suruhanjaya boleh, atas kehendaknya sendiri atau atas suatu aduan yang dibuat kepada Suruhanjaya oleh orang atau kumpulan orang yang terkilan atau seseorang yang bertindak bagi pihak orang atau sekumpulan orang yang terkilan, menyiasat pengatahan mengenai pelanggaran hak asasi manusia orang atau kumpulan orang itu.

(2) Suruhanjaya tidaklah boleh menyiasat apa-apa aduan yang berhubungan dengan apa-apa pengatahan pelanggaran hak asasi manusia yang

- (a) merupakan hal perkara apa-apa prosiding yang belum selesai di mana-mana mahkamah, termasuklah apa-apa rayuan; atau
- (b) telah diputuskan secara muktamad oleh mana-mana mahkamah.

(3) Jika Suruhanjaya menyiasat suatu pengatahan di bawah subseksyen 12(1) dan sementara menunggu penyelesaian siasatan itu, pengatahan itu menjadi hal perkara mana-mana prosiding di mana-mana mahkamah, Suruhanjaya hendaklah berhenti dengan serta-merta daripada melakukan siasatan itu.

Tatacara jika pelanggaran tidak didedahkan atau didedahkan

13. (I) Jika sesuatu siasatan yang dijalankan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 12 tidak mendedahkan pelanggaran hak asasi manusia, Suruhanjaya hendaklah merekodkan dapatan itu dan hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang yang membuat aduan itu.

(2) Jika sesuatu siasatan yang dijalankan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 12 mendedahkan pelanggaran hak asasi manusia, Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa untuk merujuk perkara itu, jika berkenaan, kepada pihak berkuasa atau orang yang berkaitan itu dengan syor yang perlu.

Kuasa yang berhubungan dengan siasatan

14. (1) Suruhanjaya hendaklah, bagi maksud sesuatu siasatan di bawah Akta ini, mempunyai kuasa

- (a) untuk mendapatkan dan menerima segala keterangan, bertulis atau lisan, dan untuk memeriksa semua orang sebagai saksi, sebagaimana yang difikirkan oleh Suruhanjaya perlu atau patut didapatkan atau diperiksa;
- (b) untuk menghendaki supaya keterangan itu, sama ada bertulis atau lisan, mana-mana saksi dibuat dengan bersumpah atau berikrar, sumpah atau ikrar itu yang berupa sumpah atau ikrar yang dikehendaki daripada saksi itu jika saksi itu memberikan keterangan dalam mahkamah undangundang, dan untuk mentadbirkan atau menyebabkan ditadbirkan oleh seseorang pegawai yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Suruhanjaya, suatu sumpah atau ikrar kepada tiap-tiap saksi itu;
- (c) untuk memanggil mana-mana orang yang bermastautin di Malaysia supaya menghadiri mana-mana mesyuarat Suruhanjaya bagi memberikan keterangan atau mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain yang ada dalam miliknya, dan untuk memeriksa orang itu sebagai saksi atau menghendakinya mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain yang ada dalam miliknya;
- (d) untuk menerima, walau apa pun apa-apa peruntukan Akta Keterangan 1950 [Akta 56], apa-apa keterangan, sama ada bertulis atau lisan, yang tidak boleh diterima dalam prosiding sivil atau jenayah; dan
- (e) untuk membenarkan atau tidak membenarkan orang ramai mengikuti siasatan itu atau mana-mana bahagian siasatan itu.

(2) Walau apa pun perenggan (1)(c), jika orang yang dipanggil ialah seseorang yang berada dalam tahanan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain, saman itu hendaklah dikeluarkan mengikut undang-undang yang terpakai yang berhubungan dengan tempat tahanan itu.

Keterangan di hadapan Suruhanjaya

15. (I) Seseorang yang memberikan keterangan di hadapan Suruhanjaya hendaklah, berkenaan dengan keterangan itu, berhak mendapat segala keistimewaan yang berhak diberikan kepada seseorang saksi yang memberikan keterangan di hadapan mahkamah undang-undang berkenaan dengan keterangan yang diberikan olehnya di hadapan mahkamah itu.

(2) Tiada seorang pun boleh, berkenaan dengan apa-apa keterangan, bertulis atau lisan, yang diberikan oleh orang itu kepada atau di hadapan Suruhanjaya, dikenakan apa-apa tindakan atau prosiding, sivil atau jenayah dalam mana-mana mahkamah kecuali apabila orang itu dipertuduh memberikan atau merekakan keterangan palsu.

BAHAGIAN IV

KAKITANGAN SURUHANJAYA

Pelantikan Setiausaha dan kakitangan

16. (1) Suruhanjaya hendaklah melantik seorang Setiausaha kepada Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya boleh melantik pegawai dan pekhidmat lain yang perlu bagi membantu Suruhanjaya menjalankan fungsinya di bawah Akta ini.

Pewakilan kuasa

17. Suruhanjaya boleh mewakilkan kepada mana-mana pegawai yang disebut dalam subseksyen 16(2) mana-mana kuasanya, dan pegawai yang kepadanya kuasa itu diwakilkan boleh menjalankan kuasa itu tertakluk kepada arahan Suruhanjaya.

Pelindungan anggota, pegawai dan pekhidmat Suruhanjaya

18. (1) Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding boleh dimulakan dalam mana-mana mahkamah terhadap Suruhanjaya atau terhadap mana-mana anggota, pegawai, atau pekhidmat Suruhanjaya berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau 'keingkaran yang telah dilakukan olehnya atas sifat itu dengan syarat bahawa pada masa itu, dia menjalankan fungsinya dengan suci hati.

(2) Mana-mana anggota, pegawai atau pekhidmat Suruhanjaya tidaklah boleh dikehendaki mengemukakan dalam mana-mana mahkamah, apa-apa dokumen yang diterima oleh, atau mendedahkan kepada mana-mana mahkamah, apa-apa perkara atau benda yang sampai kepada pengetahuan, Suruhanjaya dalam perjalanan apaapa siasatan yang dijalankan oleh Suruhanjaya di bawah Akta ini.

(3) Tiada tindakan atau prosiding, sivil atau jenayah boleh dimulakan dalam mana-mana mahkamah terhadap mana-mana anggota Suruhanjaya berkenaan dengan apa-apa laporan yang dibuat oleh Suruhanjaya di bawah Akta ini atau terhadap mana-mana orang lain berkenaan dengan penyiaran oleh orang itu suatu keterangan yang pada matannya benar mengenai laporan itu.

(4) Bab IX dan X Kanun Keseksaan [*Akta 574*] hendaklah terpakai bagi anggota, pegawai dan pekhidmat Suruhanjaya seolah-olah sebutan mengenai "pekhidmat awam" telah digantikan dengan "anggota, pegawai atau pekhidmat Suruhanjaya".

**BAHAGIAN V
AM****Dana**

19. (1) Kerajaan hendaklah menyediakan bagi Suruhanjaya, dana yang mencukupi secara tahunan bagi membolehkan Suruhanjaya menjalankan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Suruhanjaya tidaklah boleh menerima apa-apa dana asing.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), Suruhanjaya boleh menerima dana tanpa apa-apa syarat daripada mana-mana individu atau pertubuhan hanya bagi maksud memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubungan dengan hak asasi manusia sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

(4) Suruhanjaya hendaklah menyebabkan akaun beraudit yang sepatutnya mengenai pendapatan dan perbelanjaannya, dan aset dan liabilitinya disimpan.

(5) Tahun kewangan Suruhanjaya ialah tahun kalendar.

(6) Apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh Suruhanjaya dalam mana-mana tindakan atau prosiding, sivil atau jenayah, yang dibawa oleh atau terhadap Suruhanjaya di hadapan mana-mana mahkamah hendaklah dibayar daripada dana Suruhanjaya dan apa-apa kos yang dibayar kepada, atau didapatkan oleh, Suruhanjaya dalam mana-mana tindakan atau prosiding, sivil atau jenayah, hendaklah dikreditkan ke dalam dana Suruhanjaya.

(7) Apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh mana-mana anggota, pegawai atau pekhidmat Suruhanjaya, dalam mana-mana tindakan atau prosiding sivil, yang dibawa terhadapnya dalam manamana mahkamah berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau berupa dilakukan olehnya di bawah Akta ini atau atas arahan Suruhanjaya hendaklah dibayar daripada dana Suruhanjaya, melainkan jika perbelanjaan itu didapatkan olehnya dalam tindakan atau prosiding sivil itu.

Pemakaian Akta 240

20. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] hendaklah terpakai bagi Suruhanjaya.

Laporan tahunan

21. (1) Suruhanjaya hendaklah tidak terkemudian daripada mesyuarat pertama Parlimen bagi tahun yang berikutnya, mengemukakan suatu laporan tahunan kepada Parlimen mengenai segala aktiviti yang di sepanjang tahun yang dimaksudkan oleh laporan itu.

(2) Laporan itu hendaklah mengandungi suatu senarai segala perkara yang dirujuk kepada Suruhanjaya, dan tindakan yang diambil berkenaan dengannya berserta syor Suruhanjaya berkenaan dengan setiap perkara itu.

(3) Suruhanjaya boleh, bila mana dianggapnya perlu berbuat demikian, mengemukakan laporan khas kepada Parlimen berkenaan dengan apa-apa perkara tertentu yang dirujuk kepadanya dan tindakan yang diambil berkenaan dengan perkara itu.


Peraturan-peraturan

22. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud menjalankan atau melaksanakan peruntukan Akta ini, termasuklah menetapkan tatacara yang kena diikuti dalam menjalankan siasatan di bawah Akta ini.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan tatatertib

23. (1) Suruhanjaya boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suaimanfaat untuk mengadakan peruntukan bagi tatatertib pegawai dan pekhidmat Suruhanjaya.

(2) Jika mana-mana peraturan tatatertib dibuat di bawah seksyen ini, Suruhanjaya hendaklah menyebabkan notis mengenai kuat kuasa peraturan-peraturan itu diberikan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi membawanya kepada perhatian kesemua pegawai dan pekhidmat Suruhanjaya yang tersentuh oleh peraturan-peraturan itu dan peraturan-peraturan itu hendaklah, walau apa pun seksyen 19 dan 20 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [Akta 388], mempunyai kuat kuasa sebaik sahaja notis itu diberikan tanpa disiarkan dalam *Warta*.



LAWS OF MALAYSIA

Act 597

**HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA
ACT 1999**

LAWS OF MALAYSIA**Act 597****HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA
ACT 1999****ARRANGEMENT OF SECTIONS****PART I****PRELIMINARY****Section**

1. Short title and commencement
2. Interpretation

PART 11**ESTABLISHMENT OF THE HUMAN RIGHTS
COMMISSION OF MALAYSIA**

3. Establishment of the Commission
4. Functions and powers of the Commission
5. Members of the Commission and term of office
6. Chairman and Vice-Chairman
7. Meetings of the Commission
8. Remuneration
9. Vacation of office
10. Disqualification
11. Resignation

PART III**POWERS OF INQUIRY OF THE COMMISSION**

12. Commission may inquire on own motion or on complaint
13. Procedure where infringement is not disclosed or is disclosed

Section

- 14. Powers relating to inquiries
- 15. Evidence before the Commission

PART IV**STAFF OF THE COMMISSION**

- 16. Appointment of Secretary and the staff
- 17. Delegation of powers
- 18. Protection of members, officers and servants of the Commission

**PART V
GENERAL**

- 19. Funds
- 20. Application of Act 240
- 21. Annual report
- 22. Regulations

23. Power to make disciplinary regulations

LAWS OF MALAYSIA**Act 597****HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA
ACT 1999**

An Act to provide for the establishment of the Human Rights Commission of Malaysia; to set out the powers and functions of such commission for the protection and promotion of human rights in Malaysia; and to provide for matters connected therewith or incidental thereto.

[]

ENACTED by the Parliament of Malaysia as follows:

PART I**PRELIMINARY****Short title and commencement**

1. (1) This Act may be cited as the Human Rights Commission of Malaysia Act 1999.

(2) This Act shall come into operation on a date to be appointed by the Minister by notification published in the *Gazette*.

Interpretation

2. In this Act, unless the context otherwise requires”

Government" means the Government of Malaysia;

"human rights" refers to fundamental liberties as enshrined in Part II of the Federal Constitution;

"Minister" means the Minister charged with the responsibility for human rights.

PART II

ESTABLISHMENT OF THE HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

Establishment of the Commission

3. (1) There is hereby established a Commission which shall be known as the Human Rights Commission of Malaysia (the "Commission").

(2) The Commission shall be a body corporate having perpetual succession and a common seal, which may sue and be sued in its name and, subject to and for the purposes of this Act, may enter into contracts and may acquire, purchase, take, hold and enjoy movable and immovable property of every description and may convey, assign, surrender, yield up, charge, mortgage, demise, reassign, transfer or otherwise dispose of, or deal with, any movable or immovable property or any interest therein vested in the Commission upon such terms as it deems fit.

(3) The Commission shall have a common seal which shall bear such device as the Commission shall approve and such seal may be broken, changed, altered or made anew as the Commission thinks fit.

(4) The common seal shall be kept in the custody of the Secretary to the Commission or such other person as may be authorised by the Commission and shall be authenticated by the Secretary or such authorised person or by any officer authorised by the Secretary or such authorised person in writing.

(5) All deeds, documents and other instruments purporting to be sealed with the common seal, authenticated as specified in subsection (4) shall until the contrary is proved, be deemed to have been validly executed.

(6) The common seal of the Commission shall be officially and judicially noticed.

Functions and powers of the Commission

4. (1) In furtherance of the protection and promotion of human rights in Malaysia, the functions of the Commission shall be

- (a) to promote awareness of and provide education in relation to human rights;
- (b) to advise and assist the Government in formulating legislation and administrative directives and procedures and recommend the necessary measures to be taken;
- (c) to recommend to the Government with regard to the subscription or accession of treaties and other international instruments in the field of human rights; and
- (d) to inquire into complaints regarding infringements of human rights referred to in section 12.

(2) For the purpose of discharging its functions, the Commission may exercise any or all of the following powers:

- (a) to promote awareness of human rights and to undertake research by conducting programmes, seminars and workshops and to disseminate and distribute the results of such research;
- (b) to advise the Government and/or the relevant authorities of complaints against such authorities and recommend to the Government and/or such authorities appropriate measures to be taken;
- (c) to study and verify any infringement of human rights in accordance with the provisions of this Act;
- (d) to visit places of detention in accordance with procedures as prescribed by the laws relating to the places of detention and to make necessary recommendations;
- (e) to issue public statements on human rights as and when necessary; and

(f) to undertake any other appropriate activities as are necessary in accordance with the written laws in force, if any, in relation to such activities.

(3) The visit by the Commission to any place of detention under paragraph (2)(d) shall not be refused by the person in charge of such place of detention if the procedures provided in the laws regulating such places of detention are complied with.

(4) For the purpose of this Act, regard shall be had to the Universal Declaration of Human Rights 1948 to the extent that it is not inconsistent with the Federal Constitution.

Members of the Commission and term of office

5. (1) The Commission shall consist of not more than twenty members.

(2) Members of the Commission shall be appointed by the Yang di-Pertuan Agong, on the recommendation of the Prime Minister.

(3) Members of the Commission shall be appointed from amongst prominent personalities including those from various religious and racial backgrounds.

(4) Every member shall hold office for a period of two years and is eligible for reappointment.

Chairman and Vice-Chairman

6. (1) The Yang di-Pertuan Agong shall designate one of the members appointed under section 5 to be the Chairman of the Commission.

(2) The Chairman's term of office shall be his period of membership on the Commission.

(3) A Vice-Chairman shall be elected by the members of the Commission from amongst themselves.

(4) Where the Chairman of the Commission is for any reason unable to perform the functions of the Chairman, or during any period of vacancy in the office of the Chairman, the Vice-Chairman shall perform the functions of the Chairman.

Meetings of the Commission

7. (1) The Chairman of the Commission shall preside at all meetings of the Commission.

(2) If the Chairman is absent from any meeting, the Vice-Chairman of the Commission shall preside at such meeting.

(3) The quorum at all meetings shall be two thirds of the number of members of the Commission.

(4) The members of the Commission shall use their best endeavours to arrive at all decisions of the meetings by consensus failing which the decision by a two-thirds majority of the members present shall be required.

(5) The Commission shall determine the conduct of its own proceedings.

Remuneration

8. (1) The Chairman of the Commission shall be paid such remuneration and allowances as the Yang di-Pertuan Agong may determine.

(2) Every member of the Commission shall be paid allowances at such rates as the Yang di-Pertuan Agong may determine.

Vacation of office

9. The office of a member of the Commission shall become vacant(a) upon the death of the member;
(b) upon the member resigning from such office by letter addressed to the Yang di-Pertuan Agong;

- (c) upon the expiration of his term of office; or
- (d) upon the member being removed from office on any of the grounds specified in section 10.

Disqualification

10. A member of the Commission may be removed from office by the Yang di-Pertuan Agong if

- (a) the member is adjudged insolvent by a court of competent jurisdiction;
- (b) the Yang di-Pertuan Agong, after consulting a medical officer or a registered medical practitioner, is of the opinion that the member is physically or mentally incapable of continuing his office;
- (c) the member absents himself from three consecutive meetings of the Commission without obtaining leave of the Commission or, in the case of the Chairman, without leave of the Minister;
- (d) the Yang di-Pertuan Agong, on the recommendation of the Prime Minister, is of the opinion that the member
 - (i) has engaged in any paid office or employment which conflicts with his duties as a member of the Commission;
 - (ii) has misbehaved or has conducted himself in such a manner as to bring disrepute to the Commission; or
 - (iii) has acted in contravention of this Act and in conflict with his duties as a member of the Commission.

Resignation

11. A member of the Commission may at any time resign his office by a letter addressed to the Yang di-Pertuan Agong.

PART III
POWERS OF INQUIRY OF THE COMMISSION

Commission may inquire on own motion or on complaint

12. (1) The Commission may, on its own motion or on a complaint made to it by an aggrieved person or group of persons or a person acting on behalf of an aggrieved person or a group of persons, inquire into an allegation of the infringement of the human rights of such person or group of persons.

(2) The Commission shall not inquire into any complaint relating to any allegation of the infringement of human rights which

(a) is the subject matter of any proceedings pending in any court, including any appeals: or

(h) has been finally determined by any court.

(3) If the Commission inquires into an allegation under subsection 12(1) and during the pendency of such inquiry the allegation becomes the subject matter of any proceedings in any court, the Commission shall immediately cease to do the inquiry.

Procedure where infringement is not disclosed or is disclosed

13. (1) Where an inquiry conducted by the Commission under section 12 does not disclose the infringement of human rights, the Commission shall record that finding and shall forthwith inform the person making the complaint.

(2) Where an inquiry conducted by the Commission under section 12 discloses the infringement of human rights, the Commission shall have the power to refer the matter, where appropriate, to the relevant authority or person with the necessary recommendations.

Powers relating to inquiries

14. (1) The Commission shall, for the purposes of an inquiry under this Act, have the power

(a) to procure and receive all such evidence, written or oral, and to examine all such persons as witnesses, as the Commission thinks necessary or desirable to procure or examine;

- (b) to require that the evidence, whether written or oral, of any witness be given on oath or affirmation, such oath or affirmation being that which could be required of the witness if he were giving evidence in a court of law, and to administer or cause to be administered by an officer authorised in that behalf by the Commission an oath or affirmation to every such witness;
- (c) to summon any person residing in Malaysia to attend any meeting of the Commission to give evidence or produce any document or other thing in his possession, and to examine him as a witness or require him to produce any document or other thing in his possession;
- (d) to admit notwithstanding any of the provisions of the Evidence Act 1950 [Act 56], any evidence, whether written or oral, which may be inadmissible in civil or criminal proceedings; and
- (e) to admit or exclude the public from such inquiry or any part thereof.

(2) Notwithstanding paragraph (1)(c), where a person summoned is a person under detention under any other written law, such summons shall be issued in accordance with the laws applicable in relation to the place of detention.

Evidence before the Commission

15. (1) A person who gives evidence before the Commission shall, in respect of such evidence, be entitled to all the privileges to which a witness giving evidence before a court of law is entitled in respect of evidence given by him before such court.

(2) No person shall, in respect of any evidence written or oral given by that person to or before the Commission, be liable to any action or proceeding, civil or criminal in any court except when the person is charged with giving or fabricating false evidence.

PART IV

STAFF OF THE COMMISSION

Appointment of Secretary and the staff

16. (1) The Commission shall appoint a Secretary to the Commission.

(2) The Commission may appoint such other officers and servants as may be necessary to assist the Commission in the discharge of its functions under this Act.

Delegation of powers

17. The Commission may delegate to any officer referred to in subsection 16(2) any of its powers, and the officer to whom such powers are delegated may exercise those powers subject to the direction of the Commission.

Protection of members, officers and servants of the Commission

18. (1) No action, suit, prosecution or proceeding shall be instituted in any court against the Commission or against any member, officer, or servant of the Commission in respect of any act, neglect or default done or committed by him in such capacity provided that he at the time had carried out his functions in good faith.

(2) Any member, officer or servant of the Commission shall not be required to produce in any court, any document received by, or to disclose to any court, any matter or thing coming to the notice of, the Commission in the course of any inquiry conducted by the Commission under this Act.

(3) *No* action or proceeding, civil or criminal shall be instituted in any court against any member of the Commission in respect of any report made by the Commission under this Act or against any other person in respect of the publication by such person of a substantially true account of such report.

(4) Chapters IX and X of the Penal Code [Act 574] shall apply to members, officers and servants of the Commission as if references to "public servant" had been replaced with "member, officer or servant of the Commission".

PART V GENERAL

Funds

19. (1) The Government shall provide the Commission with adequate funds annually to enable the Commission to discharge its functions under this Act.

(2) The Commission shall not receive any foreign fund.

(3) Notwithstanding subsection (2), the Commission may receive funds without any conditions from any individual or organisation only for the purpose of promoting awareness of and providing education in relation to human rights as may be approved by the Commission.

(4) The Commission shall cause proper audited accounts to be kept of its income and expenditure, and assets and liabilities.

(5) The financial year of the Commission shall be the calendar year.

(6) Any expenses incurred by the Commission in any action or proceeding, civil or criminal, brought by or against the Commission before any court shall be paid out of the funds of the Commission and any costs paid to, or recovered by, the Commission in any such action or proceeding, civil or criminal, shall be credited to the funds of the Commission.

(7) Any expenses incurred by any member, officer or servant of the Commission, in any civil action or proceeding, brought against him in any court in respect of any act which is done or purported to be done by him under this Act or on the direction of the Commission shall be paid out of the funds of the Commission, unless such expenses are recovered by him in such civil action or proceeding.

Application of Act 240

20. The Statutory Bodies (Accounts and Annual Reports) Act 1980 [Act 240] shall apply to the Commission.

Annual report

21. (1) The Commission shall not later than the first meeting of Parliament of the following year, submit an annual report to Parliament of all its activities during the year to which the report relates.

(2) The report shall contain a list of all matters referred to it, and the action taken in respect of them together with the recommendations of the Commission in respect of each matter.

(3) The Commission may, whenever it considers it necessary to do so, submit special reports to Parliament in respect of any particular matter or matters referred to it, and the action taken in respect thereof.

Regulations

22. The Minister may make regulations for the purpose of carrying out or giving effect to the provisions of this Act, including for prescribing the procedure to be followed in the conduct of inquiries under this Act.

Power to make disciplinary regulations

23. (1) The Commission may, with the approval of the Minister, make such regulations as it thinks necessary or expedient to provide for the discipline of the officers and servants of the Commission.

(2) Where any disciplinary regulations are made under this section, the Commission shall cause notice of the effect of those regulations to be given in such manner as it thinks necessary for bringing it to the notice of all officers and servants of the Commission who are affected by those regulations and those regulations shall, notwithstanding sections 19 and 20 of the Interpretation Acts 1948 and 1967 [Act 3881, have effect as soon as the notice has been given without publication in the Gazette.